

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 APRIL 2017

TH tumpu kebajikan pendeposit, korporat

BH - 11/4/2017

→ PM mahu kekal integriti pastikan kelangsungan hala tuju agensi

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Perdana Menteri mahu Tabung Haji (TH) memberi tumpuan utama kepada dua kluster, iaitu kebajikan jemaah dan pendeposit TH serta pembabitan berkesan dalam sektor korporat bagi memastikan kelangsungan hala tuju badan itu.

Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata perkara itu ditekankan Datuk Seri Najib Razak, ketika merasmikan majlis Pemukiman Hala Tuju TH, di sini semalam.

9.1 juta pendeposit

Katanya, Perdana Menteri juga mahu TH terus mengekalkan integriti dan memberi tumpuan kepada tadbir urus korporat demi menjaga kepentingan 9.1 juta pendepositnya, termasuk hampir 2.1 juta yang mendaftar bagi menunaikan haji.

“Antara aspek kebajikan yang akan ditekankan adalah tempat tinggal dan makan minum (di Tanah Suci) serta kesihatan jemaah.

“Selain itu, melalui pemukiman ini, kita memanggil ketua industri dari syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan agensi kerajaan berka-

tan seperti dari Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

“Mereka memberikan pandangan membina, *do and don'ts* seperti cara dan produk yang bagus untuk kita melabur. Kita akan bantangkan kertas hala tuju ini dan membuat rumusan, seterusnya dibukukan untuk dijadikan garis panduan kepada kita,” katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis itu semalam.

Majlis perasmian yang berlangsung secara tertutup kira-kira setengah jam itu turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

Menyertai mereka ialah Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Ketua Setiausaha

Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah dan Pengerah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah.

TH adakan pemukiman

Abdul Azeez berkata, selain usaha untuk meningkatkan dana melalui perniagaan, TH juga akan mengadakan pemukiman bagi mendapatkan pandangan rakyat mengenai TH dalam usaha menambah baik perkhidmatan badan itu.

Selain itu, tambah beliau, kedatangan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud, baru-baru ini turut berjaya meningkatkan kuota haji daripada 22,230 orang kepada 30,200 orang bermula tahun ini, sekali gus menjadikan tempoh menunggu berkurangan dari 102 tahun kepada 86 tahun.

Fakta
nombor

RM19,550 KOS
mengerjakan haji

RM9,980 KOS
mengerjakan haji
ditanggung jemaah

RM9,570 SUBSIDI
haji ditanggung kerajaan